

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATUK DR. MAKIN @ MARCUS
MOJIGOH [PUTATAN]**

TARIKH :

SOALAN :

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan sama ada pihak Kerajaan Persekutuan bersedia untuk menyediakan dana untuk sistem pembetungan najis moden bagi Bandaraya Kota Kinabalu dan kawasan sekitarnya.

JAWAPAN

1. Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air bersedia untuk menyediakan dana untuk membangunkan sistem pembetungan moden bagi bandar raya Kota Kinabalu dan kawasan sekitarnya. Untuk itu, permohonan dari kerajaan Negeri Sabah bagi projek-projek pembetungan di bawah RMKe-11 termasuk untuk kawasan Kota Kinabalu telahpun dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE,JPM) untuk pertimbangan.
2. Permohonan tersebut merangkumi projek membaik pulih loji rawatan kumbahan, pam stesen dan tangki septik komunal milik Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh negeri Sabah yang meliputi Kota Kinabalu, Sandakan, Kudat, Beaufort, Keningau dan Kota Belud. Selain itu, projek Sistem Pembetungan Tanjung Aru, Kota Kinabalu serta projek Loji Rawatan Kumbahan Serantau dan Rangkaian Paip Pembetungan Di Kota Kinabalu Fasa 1 akan diteruskan dalam RMKe-11 dengan kos keseluruhan berjumlah RM149 juta.
